**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN TAWARAN/SEBUTHARGA**
**PUSAT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PUSAT L3),**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BILANGAN SEBUTHARGA : L3C/B00405/2021-2022/12**
**TARIKH TUTUP & HARI : 29 JANUARI 2022 (SABTU) JAM : 8.30 PAGI**

| BILANGAN | KETERANGAN |
|---|---|
| **1) Penyertaan** | Penyertaan adalah dibukakan kepada Syarikat/Pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam<br><br>Syarikat / Pembekal yang ingin mengikuti tawaran/sebutharga ini hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:<br>• Berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai dokumen berikut:<br>    ○ Sijil Pendaftaran (*Section 16* & *Section 17*) atau<br>    ○ Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian (Sijil & Borang X) yang masih sah<br>• Berdaftar dengan TAFIS dan mempunyai pengetahuan/pengalaman menggunakan sistem *E-Invoice* |
| **2) Butiran** | Sebutharga hendaklah dihantar dengan menggunakan borang yang disediakan dengan memastikan:<br>• Borang Sebutharga disikan dengan betul dan terang<br>• Setiap halaman dicop dengan nama Syarikat/Pembekal (ruang petak yang bertanda 'Cop Syarikat'/'*Company's Stamp*')<br>• Keterangan maklumat sebutharga (Keterangan sebutharga dari Syarikat/Pembekal) hendaklah ditaip (*type-written*) atau ditulis dengan jelas dan kemas dalam ruangan yang disediakan<br>• Jika pihak Syarikat/Pembekal tidak dapat / tiada memberikan sebutharga, sila nyatakan 'Tidak ada sebutharga' / '*No Quote*' / '*No Offer*'<br>• Maklumat yang diberikan di dalam Borang Sebutharga hendaklah sahih dan benar<br>• Sebarang pindaan (*amendments*) / kesalahan ke atas mana-mana maklumat mestilah dipotong, ditandatangan ringkas dan dicop dengan nama syarikat. Penggunaan apa-apa bentuk pemadam adalah **TIDAK dibenarkan** |
| **3) Tempoh Sahlaku Tawaran** | Tempoh sahlaku sebutharga diberikan hendaklah **Minima Enam (6) Bulan** dari tarikh tutup sebutharga seperti dinyatakan dalam Borang Sebutharga |

| | | |
|---|---|---|
| 4) | **Borang Sebutharga & Pembayaran** | Syarikat/Pembekal yang berminat untuk menyertai tawaran/sebutharga ini adalah dikehendaki untuk mengisi Borang Penyertaan **secara atas talian *(online)*** melalui pautan: https://tinyurl.com/yu7nk92f dan membuat pembayaran secara ***online*** sebanyak **BND$5.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap projek** melalui aplikasi **BIBD Mobile**.<br><br>**NOTA**<br>**Untuk membuat pembayaran secara online, pihak Syarikat / Pembekal bolehlah menghubungi pihak Unit Kewangan dan Perolehan di talian +673 2346201 ext 111 atau emel: finance.l3c@moe.gov.bn untuk mendapatkan tatacara pembayaran.**<br><br>Selepas pembayaran dibuat, salinan resit ataupun 'screenshot' pembayaran bagi setiap projek hendaklah terlebih dahulu diemel oleh pihak Syarikat/Pembekal yang berminat ikut serta tawaran/sebutharga tersebut kepada **finance.l3c@moe.gov.bn** untuk tujuan mengesahkan pembayaran.<br><br>Resit Pembayaran, Borang Sebutharga dan dokumen yang berkaitan akan dihantar kepada pihak Syarikat/Pembekal sebaik sahaja pihak Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3) menerima salinan resit ataupun 'screenshot' pembayaran Syarikat/Pembekal tersebut. |
| 5) | **Dokumen-Dokumen Untuk Disertakan** | Syarikat / Pembekal hendaklah menyertakan borang dokumen-dokumen seperti berikut:<br>• Salinan Sijil Pendaftaran (*Section 16* & Section 17) atau Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian (Sijil & Borang X) |
| 6) | **Tempat Menghantar** | Borang sebutharga yang lengkap (*hardcopy*) dan dokumen-dokumen yang disenaraikan di atas (Bilangan 5) mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan dihantar **sebelum tarikh tutup iklan** ke:<br><br>**Tingkat 1 (Peti Surat Sebutharga),**<br>**Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3),**<br>**Jalan 10 Selatan, RPN Lambak Kanan, BC2315.**<br>**Negara Brunei Darussalam.**<br><br>Tawaran yang lewat diterima dari Tarikh Tutup dan Jam yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan. |
| 7) | **Pertanyaan** | Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus dengan Bahagian Program dan Penyertaan, Pusat L3 di **Talian +673 2346201, Sambungan 112** atau Emel: **estate.l3c@moe.gov.bn** |